

# Tonton istiadat di skrin besar

Orang ramai boleh saksikan istiadat perkahwinan Tunku Tun Aminah menerusi tiga layar di dua lokasi

**JOHOR BAHRU** - Istiadat perkahwinan Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah Sultan Ibrahim dengan pasangannya, Dennis Muhammad Abdullah, 14 Ogos ini akan disiarkan secara langsung menerusi layar di dua lokasi di bandaraya ini.

Perkahwinan puteri tunggal Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah itu diadakan dengan penuh tradisi dan adat istiadat budaya Johor di Istana Bukit Serene, secara tertutup.

Ia dimulakan dengan istiadat pertunangan pada jam 10 pagi diikuti dengan

• Dua lokasi skrin:  
1. Dataran Bandaraya Johor Bahru  
2. Bangunan Majlis Bandaraya Johor Bahru

istiadat nikah di Istana Bukit Serene, manakala upacara bersanding akan diadakan pada jam 8 malam hari yang sama di Bilik Singgahsana, Istana Besar.

Bagaimanapun tiga layar skrin akan dipasang di Dataran Bandaraya Johor Bahru dan di bangunan Majlis Bandaraya Johor Bahru memaparkan istiadat

persandingan pasangan Diraja itu bermula jam 8 malam.

Orang ramai boleh mengambil peluang berkongsi kegembiraan perkahwinan Diraja ini yang akan menampilkan segala keunikan, kekayaan warisan serta tradisi Johor seperti yang diinginkan tuanku sultan.

Bersempena perkahwinan itu, satu istiadat meletak kerja bermula hari ini, dengan menaikkan bendera istiadat kerajaan menandakan permulaan istiadat perkahwinan Diraja ini.

Diikuti majlis tahlil dan doa kesyukuran akan diadakan pada 10 Ogos di Masjid



Pasir Pelangi.

Majlis bersiram akan diadakan pada 15 Ogos bertempat di bandstand Bukit Bintang, Taman Botani Diraja Istana Besar dan pasangan pengantin Diraja akan menziarahi Makam Diraja Mahmoodiah pada 16 Ogos.

Tunku Tun Aminah dan Dennis Muhammad

